

30/09/1998

Teguran Malaysia mula diterima

zali Musa; Shamsul Azree Shamsir

KUALA LUMPUR, Selasa - Pihak asing sudah menyedari dan menerima teguran Malaysia mengenai kegiatan dagangan mata wang dunia selepas kejatuhan satu 'hedge-fund' (dana lindung nilai) di Amerika Syarikat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kegiatan pedagang mata wang boleh diibaratkan seperti 'lintah' yang menghisap darah sehingga kering sebelum berpindah kepada mangsa lain.

"Sekarang baru mereka mengetahui bahawa dagangan mata wang tidak berfaedah apabila sudah terkena pada batang hidung mereka sendiri. Sekarang baru mereka sedar bahawa dakwaan kita sebelum ini adalah berasas," katanya ketika menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998.

Hedge fund Long-Term Capital Management (LTC) mengalami kerugian besar apabila menjalankan dagangan spekulasi ke atas mata wang rouble Russia menyebabkan beberapa bank cuba membantu dengan memberi sejumlah pinjaman yang besar.

Akibat masalah LTC itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata kemungkinan banyak dana lindung nilai dan bank yang akan jatuh merudum.

Menurutnya, selepas menyaksikan kesan ke atas negara membangun seperti Korea Selatan, Russia, Indonesia, Thailand dan Malaysia, pedagang mata wang kini berpindah ke negara maju seperti Amerika Syarikat.

"Sekarang, baru badan kewangan dunia seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menyedari kegiatan buruk pedagang mata wang terbabit.

"Dalam kes Korea Selatan, bukan salah mereka menjadi bankrap. Ia sepatutnya sudah menjadi negara maju, tetapi disebabkan tindakan pedagang mata wang negara itu mengalami masalah kewangan yang begitu teruk.

"Demikian juga dengan Malaysia, Thailand, Russia, Amerika Latin dan sebagainya, mereka (pedagang mata wang) seolah-olah berpindah apabila sudah menghisap darah sesebuah negara hingga kering.

"Kemudian mereka pindah ke negara lain dengan harapan negara yang mereka serang dahulu akan pulih semula, lepas itu mereka akan kembali lagi hisap darah.

"Inilah cara pedagang mata wang dan sekarang ini IMF sudah sedar, banyak (negara maju) mengaku bahawa masalah sebenarnya ialah kegiatan pedagang mata wang yang merosakkan ekonomi dunia," katanya.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang memberi peringatan supaya Malaysia tidak menjadi seperti Korea Selatan yang jatuh muflis selepas menganjur Sukan Olimpik 1988.

Dr Mahathir berkata, Korea Selatan bukan menjadi muflis kerana menganjur kejohanan itu, tetapi ia berpunca kegiatan pedagang mata wang yang menyerang Asia Timur.

Beliau berkata, kos untuk mempertahankan nilai mata wang adalah begitu tinggi, malahan negara termaju seperti Amerika Syarikat juga tidak mampu menolaknya.

Menjawab soalan yang dibangkitkan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) semasa perbahasan mengenai keyakinan pelabur terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata keyakinan pedagang asing adalah perlu bagi pelaburan biasa dan bukan pembelian saham.

Malangnya, menurut Perdana Menteri sedang galakan diberi kepada mereka untuk melabur, pedagang asing tidak menggunakan peluang itu, sebaliknya terbabit dalam jual beli mata wang atau saham yang menimbulkan banyak

masalah.

"Oleh itu kita asingkan ringgit daripada pasaran mata wang dunia supaya tiada jual beli ringgit dan kita dapat tentukan nilai ringgit dan ini memudahkan dagangan," katanya.

Menjawab soalan mengenai Central Limit Order Book (Clob) di Singapura, iaitu satu pasaran saham yang tidak diiktiraf Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Dr Mahathir berkata tidak terdapat sebarang perjanjian mengenai penubuhan Clob sebelum ini.

Beliau berkata, tindakan kerajaan membawa balik dagangan saham Malaysia di Clob untuk didagangkan di BSKL tidak akan memiskinkan Singapura sebaliknya Malaysia hanya ingin membawa pulang kekayaannya.

Menurutnya, sebelum ini dagangan saham Malaysia di Clob adalah melalui syarikat nominee dan dagangannya tidak dimaklumkan kepada BSKL, sehinggakan ada 200,000 pemilik dalam satu syarikat nominee, dan kesan dagangan itu terhadap harga saham adalah ketara.

(END)